

Headline	RM180.76 JUTA JUMLAH DANA, GERAN MTDC UNTUK DIAGIH		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	08 Jul 2015	Circulation	125,514
Section	Ekonomi	Readership	947,000
Page No	B1	ArticleSize	469 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 16,105
Journalist	Oleh Mohd Zaky Zainuddin zaky@bh.com.my	PR Value	RM 48,315
Frequency	Daily		



RM180.76 JUTA JUMLAH DANA, GERAN MTDC UNTUK DIAGIH

» *Bantu syarikat teknologi perluas pasaran, tingkat daya saing global*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) masih memiliki peruntukan dana dan geran berjumlah RM180.76 juta tahun ini untuk disalurkan kepada lebih 50 syarikat berkaitan teknologi di Malaysia.



Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus, berkata peruntukan disalurkan menerusi lima dana itu adalah penyelesaian lengkap syarikat teknologi tempatan, bermula daripada syarikat permulaan hingga meluaskan ke pasaran antarabangsa.

Katanya, penyediaan dana dengan mod kewangan berbeza itu menjadikan apa yang ditawarkan MTDC adalah ekosistem instrumen lengkap untuk syarikat teknologi Malaysia yang mempunyai potensi serta kemampuan untuk berkembang di peringkat domestik dan antarabangsa.

Tingkat teknologi

"Ekosistem lengkap ini bagi memastikan syarikat teknologi tempatan mendapat dana dan geran bersesuaian untuk membangun serta memacu pertumbuhan syarikat menjadi sebuah firma teknologi berdaya saing.

"Ia untuk membantu syarikat Malaysia sejajar dengan visi 2020 kami iaitu meningkatkan teknologi dalam syarikat di negara ini," katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Ketika ini, MTDC juga mempunyai beberapa inkubator menerusi kerjasama dengan beberapa universiti tempatan dan agensi kerajaan iaitu UTM-MTDC, UPM-MTDC, UKM-MTDC, FRIM-MTDC dan UiTM-MTDC.

Mengulas lanjut, Norhalim berkata, bagi dana BSF, MTDC

meluluskan dana berjumlah RM21 juta kepada syarikat permulaan berkaitan teknologi yang terdiri daripada pinjaman mudah bercagar yang boleh ditukar kepada Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus Terkumpul (RCCPS).

Katanya, syarikat permulaan yang mempunyai produk inovatif layak memohon dengan dana maksimum RM5 juta.

TAF menawarkan dana berjumlah RM18 juta yang mana syarikat teknologi Malaysia boleh memohon untuk tujuan mengambil alih teknologi asing bagi diperaktikkan dalam aktiviti pembuatan syarikat membabitkan nilai maksimum RM4 juta atau 50 hingga 70 peratus bagi perbelanjaan syarikat.

Bagi BGF pula, MTDC meluluskan dana berjumlah RM15.8

INFO

5 dana dan geran ditawarkan MTDC

- ◎ Dana Pemerolehan Teknologi (**TAF**)
- ◎ Dana Pengkormersialan dan Penyelidikan dan Dana Pembangunan (**CRDF**)
- ◎ Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (**BEF**)
- ◎ Dana Permulaan Perniagaan (**BFS**)
- ◎ Dana Perkembangan Perniagaan (**BGF**)

juta bagi membantu syarikat dengan potensi pertumbuhan kukuh yang dapat menarik pelaburan daripada modal teroka swasta dan institusi kewangan lain. Nilai maksimum adalah RM7 juta termasuk sehingga RM1 juta dalam bentuk geran.

MTDC lulus CRDF RM77j

Norhalim berkata, MTDC meluluskan CRDF berjumlah RM77 juta untuk syarikat teknologi melaksanakan pengkomersialan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang sudah berjaya oleh universiti awam serta swasta, institusi penyelidikan dan syarikat tempatan lain.

Katanya, dana itu memberi tumpuan kepada teknologi termasuk bahan maju, pembuatan terkini, peralatan dan mesin, bahan baharu, elektrik dan elektronik, teknologi nano dan tenaga alternatif membabitkan jumlah RM500,000 hingga RM4 juta.

"Bagi BEF pula, sebanyak RM75 juta diluluskan bagi membantu syarikat teknologi Bumiputera berdasarkan teknologi untuk mengembangkan perniagaan di peringkat tempatan dan global," katanya.

Setakat ini, MTDC sudah menyalurkan RM23.04 juta kepada 11 syarikat menerusi lima dana atau geran yang diperkenalkan itu yang mempunyai peruntukan keseluruhan berjumlah RM203.8 juta bagi tahun 2015.

"Ekosistem lengkap ini bagi memastikan syarikat teknologi tempatan mendapat dana dan geran bersesuaian untuk membangun serta memacu pertumbuhan syarikat"

Norhalim Yunus,
Ketua Pegawai Eksekutif MTDC